

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

DARIPADA : Tuan Ahmad Nazlan Bin Idris
[Jerantut]

SOALAN : Tuan Ahmad Nazlan Bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan: apakah langkah langkah yang diambil Kerajaan dalam menangani kesan rumah hijau dan iklim tidak menentu seperti El-Nino agar hasil pengeluaran para petani tidak terjejas.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negara telah mengalami kesan El-Nino pada tahun 2016. Fenomena ini telah mempengaruhi pertumbuhan tanaman. Suhu tertinggi yang dicatatkan di negeri-negeri seperti Perlis, Kedah, Perak dan Pahang iaitu sehingga 37°C - 39.5°C pada bulan Mac 2016.

Jumlah hujan yang sangat kurang iaitu 60% kurang dari purata hujan biasa di lima buah negeri iaitu Kelantan, Pulau Pinang, Kedah, Perak, Pahang dan Johor juga memberikan kesan kepada tumbesaran tanaman, pembentukan buah, kematangan hasil dan kehilangan hasil.

Bagi menangani kesan El-Nino agar hasil pengeluaran para petani tidak terjejas, berikut merupakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pertanian:

1. Membina telaga tiub (tube well) atau telaga dalam (deep well) sekiranya bersesuaian dan juga menyelenggara telaga tiub yang sedia ada;

2. Membina empangan kecil di saluran-saliran bagi menyimpan air;
3. Mengalakkan penggunaan sungkupan atau jaring pelindung cahaya matahari (*netting*) bagi mengurangkan kehilangan air dari tanah; dan
4. Menggunakan air secara efisien dengan menggalakkan penggunaan sistem pengairan titis (*drip irrigation*) dan mist blower terutamanya untuk sayur-sayuran daun (sistem sprinkler tidak digalakkan bagi tujuan ini).

Selain itu, bagi menghadapi masalah kekurangan sumber air semasa kemarau panjang atau apabila el nino melanda pada masa akan datang, pengusaha dicadangkan untuk menyediakan tangki simpanan air yang mencukupi di ladang. Sekiranya keadaan sumber air menjadi lebih kritikal, pengusaha perlu menjadualkan semula jumlah tanaman mengikut kemampuan sumber air.